

## MERUNGKAI MAKNA SAJAK “ISTIMEWANYA KITA” : PENGAPLIKASIAN SEMANTIK INKUISITIF DALAM KALANGAN MURID TAHUN EMPAT

(Unravels the Meaning of “We are Special” Rhyme: The Application of Inquisitive Semantic among Year Four Pupils)

**GEORGE ROMIKO BUJANG\***

Fakulti Bahasa dan Komunikasi  
Universiti Malaysia Sarawak  
[georgeromiko@yahoo.com](mailto:georgeromiko@yahoo.com)

**MARY FATIMAH SUBET**

Fakulti Bahasa dan Komunikasi  
Universiti Malaysia Sarawak  
[sufatimah@unimas.my](mailto:sufatimah@unimas.my)

**Dihantar pada:**

01 Ogos 2021

**Diterima pada:**

30 September 2021

**Koresponden:**

[georgeromiko@yahoo.com](mailto:georgeromiko@yahoo.com)

**Abstrak:** Kajian ini bertujuan untuk menerangkan makna sebenar bahan seni bahasa dalam Buku Teks Bahasa Melayu Tahun 4 melalui analisis Semantik Inkuisitif (SI) yang diperkenalkan oleh Nor Hashimah Jalaluddin (2014). Kajian ini berbentuk penyelidikan kualitatif. Kaedah analisis teks ke atas bahan seni bahasa yang diekstrak dari Buku Teks Bahasa Melayu Tahun 4 dijalankan termasuk pemerhatian ke atas 10 murid Tahun 4 sebagai responden kajian ini. Hasil kajian menunjukkan bahawa bahan seni bahasa seperti puisi boleh menimbulkan persoalan yang boleh dikaitkan dengan kemahiran berfikir aras tinggi (KBAT) murid. Selain itu, kajian ini mendapati makna tersirat yang dihajati dapat dirungkai oleh murid apabila analisis satu persatu pendekatan semantik inkuisitif dilakukan, bermula dengan analisis semantik skrip, semantik resonans dan seterusnya semantik inkuisitif. Pengaplikasian Teori Relevans yang diasaskan oleh Sperber dan Wilson (1986, 1995) pada tahap kedua analisis semantik resonans menunjukkan bahawa subjek Bahasa Melayu boleh digabungkan dengan pelbagai disiplin yang lain. Oleh itu, pembelajaran subjek ini menjadi lebih menarik dan bersifat multidisiplin. Kajian ini diharap dapat memberi pendekatan baharu kepada pendidik, terutamanya guru-guru Bahasa Melayu di peringkat pendidikan rendah untuk merancang pengajaran dan pembelajaran yang lebih mencabar dan menyeronokkan bagi memastikan impak pembelajaran yang lebih baik dan bermakna kepada murid.

**Kata Kunci:** Seni bahasa, semantik inkuisitif, Teori Relevans, bahasa figuratif, KBAT

*Abstract: The aim of this study is to explain the actual meanings implicated in language arts' materials in Year 4 Malay Language Textbook via Inquisitive Semantic analysis (IS) introduced by Nor Hashimah Jalaluddin (2014). This is a qualitative research. Text method analysis on language arts' materials extracted from Year 4 Malay Language Textbook was carried out as well as observation on 10 pupils of Year 4 as respondents of this study. The results showed that language arts' materials such as poems can create questions which can be related to pupils' high order thinking skills (HOTS). In addition, this study found that there were implied meanings when the inquisitive semantic approach analysis was performed in stages starting with the semantic script's analysis, semantic resonance's analysis and subsequently inquisitive semantic analysis. The application of Relevance Theory founded by Sperber and Wilson (1986, 1995) enhanced further the analysis done at the second stage of semantic resonance's analysis whereby the subject of Malay language can be combined with various other disciplines. Hence, the learning of these subjects become more interesting and multi-disciplinary. This study is expected to provide a new approach to educators, especially Malay language teachers at the primary education level, to plan a more challenging and enjoyable teaching and learning experience to ensure a better and meaningful learning impact for students.*

**Keywords:** Language arts, inquisitive semantics, Relevance Theory, figurative language, HOTS

## PENGENALAN

Seni merupakan sesuatu unsur yang halus iaitu tipis, kecil, elok, ataupun bunyi yang mengasyikkan yang berkaitan dengan suara (Kamus Dewan 2005). Objek atau aspek yang dikatakan bersifat seni pula merupakan suatu bentuk karya seperti syair, gurindam, sajak, seloka, pantun serta lain-lain lagi yang dicipta hasil daripada kreativiti dan bakat seni yang terpendam. Bahasa merupakan alat komunikasi berbentuk sistem lambang bunyi yang terhasil melalui sistem pengucapan manusia. Sebagaimana yang kita ketahui, bahasa terdiri daripada bunyi, suku kata, leksikal atau kumpulan frasa yang tertentu. Setiap satunya memiliki maksud yang abstrak antara leksikal dan frasa sebagai lambang dengan konsep atau objek yang diwakili oleh kosa kata atau kumpulan kata.

Sehubungan dengan itu, menguasai aspek seni bahasa memerlukan bahan seni bahasa yang berkaitan dan juga kemahiran kognitif yang tinggi. Kemahiran kognitif yang dimaksudkan merupakan kebolehan seseorang individu untuk memahami fenomena dan situasi, bijak berfikir, melontarkan pandangan, serta menghayati sesuatu fenomena ataupun situasi yang terjadi di persekitaran individu tersebut. Proses yang berlaku ini melibatkan perkara-perkara seperti merancang, mengkategorikan, menyelesaikan masalah, menaakul dan mencipta. Rohani (2004) menyatakan bahawa kognitif merujuk kepada intelek dan proses pemikiran manusia kognitif merujuk kepada intelek dan pemikiran individu. Perkembangan kognitif yang dinyatakan memberi fokus terhadap cara kanak-kanak mempelajari sesuatu dan memproses maklumat menggunakan otak. Sementara itu, perkara ini merupakan suatu ikhtiar untuk mengembangkan dan membina pengetahuan awal dan daya kognitif dalam diri kanak-kanak.

Seiring dengan itu juga, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah menyediakan dokumen yang berkaitan dengan pelaksanaan pengajaran seni bahasa dalam mata pelajaran Bahasa Melayu. Dalam Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP) Bahasa Melayu Tahun 4 Sekolah Kebangsaan (2018), bahan pengajaran dan pembelajaran (PdP) seni bahasa yang diajarkan dalam mata pelajaran tersebut merangkumi puisi tradisional dan puisi moden. Pelaksanaan pengajaran kemahiran seni bahasa dalam mata pelajaran Bahasa Melayu dilihat sebagai satu pendekatan atau langkah ke hadapan untuk memberi pendedahan kepada semua murid tentang puisi berbanding sebelum ini. Kemahiran seni bahasa disisipkan dalam Komtemporari Sastera (KOMSAS) Bahasa Melayu dan diajar secara berasingan. Secara tidak langsung, pengajaran puisi dalam kemahiran seni bahasa mampu memperkasakan penggunaan bahasa Melayu dalam kalangan murid secara meluas. Tambahan lagi, seni bahasa memberi penekanan kepada keindahan bahasa yang dipelajari oleh murid melalui teknik penyampaian yang menarik dan menyeronokkan seperti bernyanyi, bercerita, berlakon

dan berpuisi. Keindahan bahasa yang digunakan semasa aktiviti seni bahasa dapat membantu murid-murid memantapkan lagi kemahiran berbahasa mereka.

Dalam pada itu juga, kemahiran berfikir aras tinggi (KBAT) turut memainkan peranan dalam memacu pembelajaran murid ke tahap yang optimum. KBAT melibatkan kemahiran intelek yang tinggi. Kemahiran ini kebiasaan melibatkan merujuk kepada empat aras teratas dalam Taksonomi Bloom Semakan Anderson (2001), iaitu mengaplikasi, menganalisis, menilai dan mencipta. KBAT mempunyai kelebihan tersendiri iaitu dapat meningkatkan lagi keupayaan dan kebolehan murid meneroka makna dalam pembelajaran seni bahasa. Kebolehan ini akan menjadikan mereka lebih produktif dan berdaya saing, di samping dapat mewujudkan proses pembelajaran seni bahasa yang lebih bermakna. Seterusnya, sudah tentu dapat meningkatkan kefahaman dan memperkukuh pembelajaran dalam aspek seni bahasa selain daripada sajak yang mereka pelajari.

## PERNYATAAN MASALAH

Sehingga ke hari ini, pemahaman murid terhadap makna yang terkandung dalam bahan pembelajaran seni bahasa yang berbentuk sajak masih berada pada tahap yang sangat rendah. Laporan Tahunan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025 (KPM 2018) menjelaskan bahawa murid-murid, terutamanya di peringkat sekolah belum dapat mencetuskan kerangka idea yang utuh dalam menghuraikan pandangan ataupun jawapan yang lebih kritikal. Murid tidak mampu memberi dan menghuraikan jawapan dengan baik, tersusun dan berdisiplin. Perkara ini menyebabkan penerangan tentang isi yang tersirat sangat lemah dan seterusnya menyebabkan isi kandungan jawapan yang disampaikan menyimpang daripada fokus pertanyaan, berjela-jela dan tidak bersesuaian. Kenyataan ini disokong oleh Aida et al. (2018) yang menyatakan bahawa puisi tradisional, iaitu pantun masyarakat Melayu lama dilihat sukar untuk difahami maksudnya kerana terikat dengan susunan perkataan yang terlalu klasik. Penggunaan kata dan frasa klasik dalam pantun agak janggal bagi kanak-kanak kerana ia jarang dipertuturkan dalam rutin harian. Situasi ini menyebabkan kanak-kanak kurang berminat untuk mempelajari puisi tradisional.

Dalam pada itu juga, pengkaji berpendapat murid-murid perlu diberi kemahiran asas menguasai makna puisi pada peringkat sekolah rendah lagi, selaras dengan penerapan KBAT dalam sistem persekolahan demi menghadapi persaingan sengit bagi mendepani persekitaran pembelajaran yang lebih berdaya saing. Kajian Yahya (2014) menjelaskan bahawa, penguasaan dan amalan terhadap kemahiran berfikir menjadi sangat penting bagi membentuk dan membina kualiti murid yang mampu bersaing di pentas global yang kian mencabar. Pengetahuan asas murid yang terbatas menjadi masalah dalam melaksanakan KBAT di dalam bilik darjah. Kajian Nooriza dan Effandi (2015)

menjelaskan bahawa kekangan guru dalam mengintegrasikan KBAT dalam proses PdP ialah pengetahuan asas murid serta kesukaran murid memahami soalan beraras tinggi.

Sukiman et al. (2012) dalam kajiannya turut berpendapat bahawa murid sukar memahami soalan-soalan beraras tinggi walaupun setelah diberikan soalan-soalan dorongan. Rajendran (2001) berkata bahawa murid yang pasif tidak dapat menjayakan kemahiran berfikir semasa proses PdP berlangsung kerana murid yang pasif biasanya tidak akan mengeluarkan idea mereka semasa perbincangan dan mereka lebih cenderung untuk mendengar pendapat orang lain. Walaupun membentuk perbincangan berkumpulan bersama rakan, murid pasif masih diam dan hanya menyetujui cadangan rakan mereka dan ini bagaikan merujuk kembali kepada pengajaran menggunakan kaedah tradisional. Situasi yang berlaku ternyata memberi impak kepada pelaksanaan KBAT dalam bilik darjah. Tambahan pula, menurut Chew Fong Peng dan Zul Hazmi (2018), dalam sukatan pembelajaran Bahasa Melayu di peringkat pendidikan rendah, terdapat dua aspek, iaitu aspek seni bahasa dan aspek tatabahasa yang perlu diajar dan dipelajari oleh setiap murid. Aspek seni bahasa ini memerlukan murid mengaplikasikan KBAT untuk memahami makna di sebalik ujaran yang terkandung dalam bahan seni bahasa tersebut.

Justeru, KBAT yang dimasukkan dalam silibus pendidikan rendah dan menengah bertujuan agar murid mengetahui dan memahami isi kandungan pembelajaran yang berteraskan akal dan fikiran pada peringkat yang tinggi dengan menguasai kemahiran mengapikasi, menganalisis, membuat penilaian dan mereka cipta seperti mana yang dituntut oleh KBAT itu sendiri. Oleh yang demikian, pendekatan Semantik Inkuisitif (SI) yang diperkenalkan oleh Nor Hashimah (2014) dalam bidang pragmatik amat bersesuaian untuk diaplikasikan bagi menganalisis ujaran yang dipilih daripada petikan sajak. Pendekatan yang bersifat penerokaan ini diharapkan dapat mengatasi semua masalah yang timbul dalam proses pembelajaran sajak sebagai satu usaha untuk mewujudkan suasana pembelajaran puisi moden yang seronok, berdisiplin, aktif dan mudah difahami.

## TINJAUAN LITERATUR

Maulana dan Nor Hashimah (2018) telah menjalankan kajian terhadap unsur burung dengan mengaplikasikan konsep *ad hoc* dalam Teori Relevans oleh Sperber dan Wilson (1986) dan pendekatan Semantik Inkuisitif oleh Nor Hashimah (2014) untuk mencungkil akal budi serta falsafah yang terdapat dalam data pantun tersebut. Dapatan penyelidikan mendapati penggunaan konsep *ad hoc* sama ada *ad hoc* penyempitan dan perluasan serta pendekatan Semantik Inkuisitif telah berjaya merungkai maksud yang dihajati dan ingin disampaikan melalui pantun Melayu.

Mohd Ridzuan dan Mary Fatimah (2019) telah menganalisis data peribahasa '*bagaimana acuan,*

*begitulah kuihnya*' melalui tiga peringkat, iaitu peringkat semantik skrip, peringkat semantik resonans dan seterusnya peringkat Semantik Inkuisitif. Di peringkat semantik skrip, makna peribahasa hanya dilihat dari aspek makna harfiah, iaitu makna yang dipetik daripada kamus peribahasa Melayu. Seterusnya, pengkaji telah mengaplikasikan Teori Relevans dan Rangka Rujuk Silang (RRS) di peringkat semantik resonans. Pada peringkat Semantik Inkuisitif, perbincangan tertumpu kepada leksikal '*acuan*' dan '*kuih*' dalam peribahasa serta perkaitan '*acuan*' dan '*kuih*' dengan '*ibu bapa*' dan '*anak-anak*'. Persoalan '*kenapa*' dikemukakan sehingga terungkainya makna ke akar umbi sekali gus menyerlahkan akal budi penuturnya. Melalui kupasan data ini, penggunaan semantik inkuisitif dapat merungkai makna yang wujud dalam peribahasa yang dipelajari sehingga menemui falsafah dan akal budi penuturnya.

Srikandi Saemah dan Mary Fatimah (2020) telah mengkaji perwatakan dalam novel *Di Sebalik Dinara* karya Dayang Noor atau nama sebenar Noor Aziza Sulaiman (2012). Pendekatan Teori Relevans diaplikasikan dalam kajian ini. Teori Relevans mementingkan tiga perkara, iaitu konteks, kesan kognitif dan usaha memproses maklumat. Hasil analisis mendapati perwatakan dalam novel telah digambarkan sebagai seorang yang bertanggungjawab, berdikari, tidak terburu-buru dalam mengambil tindakan dan membuat keputusan dengan berhati-hati. Hasil kajian juga mendapati banyak kesan kognitif yang terhasil kerana usaha memproses agak mudah dan sekali gus menjadikan ujaran yang dipetik daripada novel semakin relevan. Seterusnya, dengan adanya frasa tambahan, dapat memudahkan pemahaman makna terhadap perbuatan atau tindakan seseorang yang diceritakan dalam sesuatu karya.

“Aku tak faham lah abang aku ni. Kenapa nak pasang retinal scanner pula? Dahlah dia sambungkan interkom rumah ni dengan telefon rumah dia.”

\*Farisha\* berasa rimas dengan tindakan abang sulungnya....

Sebagai contoh, Analisis RRS menunjukkan perwatakan Farisha yang suka berdikari. Perkara ini dapat disokong melalui pendekatan analisis RRS berdasarkan petikan daripada novel *Di Sebalik Dinara* dengan adanya leksikal tambahan seperti '*kenapa*', '*pasang*' dan '*sambung*'. Berdasarkan leksikal seperti '*kenapa*', '*pasang*' dan '*sambung*' telah memberikan kesan kognitif kepada pembaca atau pelajar terutamanya apabila wujudnya frasa '*Kenapa nak pasang retinal scanner pula?*' dan '*Dahlah dia sambungkan interkom*' telah memberi kesinambungan untuk membantu interpretasi perwatakan yang dicari. Kehadiran leksikal

'kenapa', 'pasang' dan 'sambung' dalam frasa tersebut memudahkan usaha memproses dalam diri pembaca/murid. Berdasarkan Teori Relevans, semakin banyak kesan kognitif yang terhasil semakin mudah usaha memproses dan semakin relevan ujaran tersebut. Kajian telah membuktikan bahawa penggunaan Teori Relevans dan RRS dalam pembelajaran bahan seni bahasa berbentuk novel adalah amat relevan dan dapat memberi makna implisit dan subjektif kepada murid.

Mazarul Hassan dan Norazimah (2019) telah menjalankan kajian untuk mengenal pasti unsur KBAT yang terdapat melalui peribahasa dalam bahan multimedia untuk pengajaran Bahasa Melayu sekolah rendah. Pengkaji telah mengaplikasikan teori Semiotik Peirce (1965) dan Teori Konstruktivisme dalam kajian mereka. Dalam metodologi kajian, pengkaji menjelaskan Semiotik atau semiologi bererti ilmu tanda-tanda (*sign*) secara sistematik seperti ikonik, indeksikal dan simbolik. Ikonik adalah tanda yang menyerupai objeknya seperti foto seseorang. Indeksikal adalah tanda yang memiliki hubungan dengan objeknya seperti asap dengan api. Simbolik pula adalah tanda yang secara arbitrari atau konvensional dikaitkan dengan rujukannya.

Dalam kertas kajian ini, aspek yang dibincangkan adalah aspek simbol kerana ia bersesuaian untuk digunakan bagi memahami peribahasa dengan menggunakan KBAT. Berdasarkan peribahasa '*Jangan bangunkan kucing yang tidur*' yang dipilih sebagai data kajian, kucing merupakan objek utama yang ditekankan dalam kajian ini oleh pengkaji. Peribahasa ini membawa maksud, janganlah seseorang individu itu mengganggu musuh yang tidak melakukan apa-apa kepadanya. Kucing pada hakikatnya merupakan sejenis haiwan yang jinak, comel, tangkas dan manja. Dalam masyarakat Melayu, selain memelihara dan menternak haiwan yang boleh dijadikan sumber makanan serta membantu mereka melakukan pekerjaan seperti bersawah, haiwan seperti kucing juga dipelihara sebagai haiwan yang boleh diajak bermain di dalam rumah kerana saiz fizikal kucing yang sederhana kecil. Kelincahan kucing menjadi salah satu terapi ketika mereka melepaskan penat lelah setelah seharian suntuk berada di bendang ataupun di kebun.

Namun, sesekali tanpa diduga kucing akan bertindak ganas jika mendapati dirinya terancam dan boleh mencederakan manusia. Ini dapat dilihat ketika kucing diganggu ketika sedang tidur. Melalui pengamatan masyarakat Melayu ketika itu yang ada memelihara kucing, maka sifat ganas kucing yang jarang-jarang berlaku maka terhasillah peribahasa "*Jangan dibangunkan kucing yang tidur*". Kucing menjadi simbol kepada ganas, garang, dan akan mencederakan sesiapa sahaja jika diganggu. Dalam peribahasa ini, masyarakat Melayu sebenarnya ingin mengingatkan kepada masyarakatnya supaya sentiasa berhati-hati dan tidak mengganggu orang lain tanpa sebab yang munasabah. Apabila setiap masyarakat memainkan peranan mereka masing-masing, maka tidak berlakulah sebarang kejadian yang tidak diinginkan seperti

pergaduhan dan perselisihan faham. Kejadian seperti ini akan menyebabkan hubungan sesama manusia akan terjejas.

Peribahasa "*Jangan dibangunkan kucing yang tidur*" ini amat sesuai diajarkan oleh guru kepada anak didik di sekolah kerana maksud peribahasa itu sendiri amat rapat dengan tingkah laku dan sikap segelintir murid yang gemar mengganggu rakan-rakan ketika ketiadaan guru di dalam bilik darjah. Kewujudan peribahasa Melayu bukan setakat menyampaikan makna melalui konsepsi sifat abstrak kepada konkrit, tetapi sebaliknya mengandungi falsafah dan akal budi masyarakat Melayu. Kenyataan ini selari dengan falsafah yang ditekankan dalam pendekatan Semantik Inkuisitif yang diperkenalkan oleh Nor Hashimah (2014) dalam buku terbitannya yang bertajuk "*Semantik dan Akal Budi Melayu*".

## OBJEKTIF KAJIAN

Kajian ini bertujuan untuk menganalisis dan menghuraikan makna yang wujud dalam bahan PdP seni bahasa yang terdapat dalam buku teks Bahasa Melayu Tahun 4 bertajuk '*Istimewanya Kita*' dengan menggunakan pendekatan Semantik Inkuisitif.

## PENDEKATAN SEMANTIK INKUISITIF

Pendekatan Semantik Inkuisitif yang diaplikasikan dalam kajian ini merupakan gagasan idea oleh Nor Hashimah (2014). Semantik Inkuisitif mengambil kira data autentik, semantik dan konteks, kognitif penutur, budaya dan akhirnya dikaitkan dengan akal budi penuturnya. Pengkajian makna menggunakan Semantik Inkuisitif tidak terhad dalam bidang linguistik sahaja, malah ia turut merentasi sempadan ilmu bahasa iaitu geografi, sejarah, etimologi, budaya, agama, sains, sosiologi dan sebagainya. Menurut Nor Hashimah (2014), Semantik Inkuisitif menerobosi satu tahap yang lebih tinggi dan mendalam lagi hingga ke peringkat akal budi Melayu.


Pendekatan Semantik Inkuisitif ini merangkumi tiga peringkat iaitu peringkat semantik skrip, peringkat semantik resonans dan peringkat Semantik Inkuisitif. Pada peringkat semantik skrip, ia melibatkan tafsiran makna harfiah. Semantik skrip hanya melibatkan hubungan bahasa, makna dan pemikiran. Tafsiran makna dilakukan berdasarkan tafsiran umum daripada pemerhatian secara lapangan dan melalui pembacaan terhadap teks-teks yang ada bagi mentafsir pemikiran Melayu, sehingga tafsiran makna hanya dapat dilihat secara permukaan. Semantik skrip boleh difahami dengan cara makna diolah dan dari situ diberikan satu tafsiran mengenai apa yang hendak disampaikan. Tafsiran makna di peringkat ini dilakukan dengan mudah. Semantik skrip hanya bersandarkan kepada pengalaman peribadi dengan data sokongannya yang mungkin terhad. Dengan kata lain, hanya makna yang tersurat yang dihuraikan. Pemaknaan seumpama ini tidak

memberikan apa-apa maklumat tambahan kepada ilmu makna. Pada peringkat ini kita tidak dapat melihat dengan lebih teliti hubungan kait di antara bahasa, akal dan budi Melayu.

Pada peringkat semantik resonans, tafsiran melibatkan proses menghuraikan kognitif penutur, dan pada peringkat ini proses abstrak bermula. Pada peringkat ini, analisis yang dilakukan akan menampilkan abstraksi domain sumber kepada domain sasaran yang menjadi pemangkin kepada wujudnya metafora. Pemangkin yang dimaksudkan ialah fitur-fitur yang terdapat dalam sesuatu kata. Teori Relevans yang menekankan dua prinsip, iaitu andaian asas dan kesannya turut digunakan dalam peringkat ini. Teori Relevans yang diperkenalkan oleh Sperber dan Wilson (1986, 1995) ini juga menekankan tiga gagasan utama, iaitu konteks, kesan kognitif dan usaha memproses maklumat. Penyataan fakta tentang Teori Relevans akan dihuraikan dengan lebih lanjut dalam subtopik yang berikutnya.

Pada peringkat ketiga, iaitu peringkat terakhir dalam pendekatan Semantik Inkuisitif, dipanggil Semantik Inkuisitif. Analisis semantik tahap ini bukan sahaja mengaitkan bahasa dan kognitif penuturnya tetapi meneroka jauh ke akal budi penuturnya. Semantik peringkat ini mengaitkan bahasa, budaya, kognitif dan sekali gus mencerminkan akal budi Melayu. Dalam peringkat ini, jawapan kepada 'mengapa' dan 'kenapa' hingga terbongkarnya rahsia pemikiran Melayu adalah sangat dituntut. Makna yang tersirat yang mendasari akal budi Melayu yang dicari-cari dalam data kajian yakni bahan PdP seni bahasa sajak ini nanti pasti akan dapat dicungkil dan diketahui makna dengan sedalam-dalamnya untuk melihat kewujudan akal budi Melayu yang mencipta puisi dengan teliti, tepat dan padat. Semantik Inkuisitif yang bersandarkan data empiri, kerangka teoretis dan akal budi akan memberi penjelasan yang terbaik bagi setiap data yang akan dibincangkan dalam kajian makna dalam bahan seni bahasa ini nanti.

Rajah 1 menunjukkan carta aliran tahap yang terlibat dalam proses penganalisan data menggunakan pendekatan Semantik Inkuisitif seperti yang dikemukakan oleh Nor Hashimah (2014). Selain itu, seperti yang dijelaskan dalam peringkat kedua iaitu, peringkat semantik resonans, kajian ini turut mengaplikasikan Teori Relevans yang diperkenalkan oleh Sperber dan Wilson (1986, 1995) yang menekankan tiga perkara utama, iaitu konteks, kesan kognitif dan usaha memproses maklumat. Konteks merupakan sebarang andaian yang boleh wujud dalam situasi mental mahupun yang diperoleh daripada persekitaran yang sebenarnya. Konteks tidak hanya terhad kepada maklumat tentang persekitaran fizikal dan masa yang paling hampir tetapi turut melibatkan masa depan, hipotesis saintifik atau kepercayaan keagamaan, kenangan lucu, andaian am tentang budaya dan kepercayaan terhadap pemikiran penutur (Sperber & Wilson 1995).



RAJAH 1: Proses pendekatan Semantik Inkuisitif oleh Nor Hashimah (2014)

Kesan kognitif pula merupakan andaian awal yang wujud dalam diri pendengar tentang maklumat yang relevan pada diri pendengar. Sesuatu ujaran dianggap lebih relevan, jika ujaran itu mempunyai lebih banyak kesan kognitif. Semakin banyak kesan kognitif diperoleh, maka semakin kurang usaha memproses maklumat dan kesannya semakin relevan ujaran itu. Sebaliknya, jika terlalu sedikit kesan kognitif diperoleh, maka semakin tinggi usaha untuk memproses maklumat, dan kesan ujaran semakin tidak relevan.

Seterusnya, usaha memproses merupakan usaha yang terlibat untuk menginterpretasikan makna ujaran. Usaha memproses ini melibatkan kedua-dua pihak, iaitu penutur dan pendengar. Usaha memproses ini merujuk usaha memproses maklumat oleh pendengar. Berdasarkan prinsip Teori Relevans, lebih rendah usaha memproses maklumat maka semakin relevan ujaran itu. Pada pihak penutur, usaha memproses penting bagi memastikan ujarannya boleh difahami dengan mudah oleh pendengar.

## METODOLOGI

Kajian yang dilaksanakan ini membabitkan proses pengumpulan data kualitatif yang memanfaatkan data korpus daripada teks bercetak sebagai data kajian. Kajian ini menggunakan data sajak yang dipetik daripada Buku Teks Bahasa Melayu Tahun 4, iaitu 'Istimewanya Kita' hasil nukilan Rona et al. (2019) yang diterbitkan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) sebagai bahan utama untuk mendapatkan sumber bahasa figuratif dalam sajak (rujuk Lampiran A). Kajian ini ialah satu usaha untuk menganalisis tiga bahasa figuratif bahasa figuratif yang mengandungi unsur-unsur pengajaran. Oleh sebab kajian ini mahu menerangkan fungsi bahasa figuratif dalam sajak, penganalisan data dilakukan dengan mengaplikasikan pendekatan Semantik Inkuisitif untuk menyatakan kerelevan penggunaan bahasa figuratif dalam sajak bagi melambangkan puisi Melayu bukan sahaja memiliki nilai sastera, antropologi dan nilai estetika dalam puisi, malah memiliki nilai intelektual yang bersifat inkuisitif dan multidisiplin.

## ANALISIS DAN PERBINCANGAN DAPATAN

Dalam bahagian analisis dan perbincangan ini, pengkaji membimbing murid dalam proses PdP bagi menganalisis tiga data bahasa figuratif yang mengandungi unsur pengajaran. Data ini dipetik daripada baris sajak *'Istimewanya Kita'*.

### Analisis Data 1: Membuka Pintu Dunia

Dalam pendekatan Semantik Inkuisitif, analisis semantik skrip dilaksanakan. Responden dibimbing mencari makna harfiah menggunakan kamus Bahasa Melayu. Analisis peringkat semantik skrip telah mendapati bahawa murid mampu mengemukakan makna harfiah berikut dalam proses PdP yang dilaksanakan (rujuk Lampiran B). Dalam pendekatan Semantik Inkuisitif, tahap pertama analisis sangat mudah disebabkan hanya mengesan makna secara harfiah sahaja.

JADUAL 1: Makna harfiah *'Membuka pintu dunia'*

Ungkapan	Perkataan	Makna
Membuka pintu dunia	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Membuka</li> <li>• pintu</li> <li>• dunia</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• menjadikan tidak tertutup/ menanggalkan</li> <li>• ruang untuk keluar atau masuk</li> <li>• bumi dan segala yang terdapat di permukaannya</li> </ul>

Walaupun murid didapati berjaya mengemukakan makna *"Membuka pintu dunia"* seperti dalam Jadual 1, namun makna ini belum lagi dapat menyampaikan makna sebenar yang dihajati pencipta sajak ini. Murid seterusnya dibimbing untuk mengesan makna tersirat berkenaan. Tahap analisis dalam pendekatan Semantik Inkuisitif seterusnya akan dilakukan, iaitu analisis tahap semantik resonans. Dalam analisis ini, pengkaji mengaplikasikan Teori Relevans yang diasaskan oleh Sperber dan Wilson (1986,1995). Dalam Teori Relevans, penggunaan kod memainkan peranan penting kerana penggunaan kod, inferens dan andaian merupakan kekuatan sebenar dalam teori ini. Pada tahap ini, pengkaji sebagai guru memainkan peranan utama mengarah murid ke arah KBAT. Murid diminta mengemukakan andaian-andaian yang disyaratkan dalam Teori Relevans untuk mendekati makna sebenar yang hendak dikemukakan oleh penyajak.

Analisis tahap semantik resonans membenarkan pengkaji mengaitkan data dengan teori dan kognitif penutur-pendengar. Semua ini akan membantu pencarian makna yang tepat dan tinggi kesahannya. Oleh sebab pada peringkat resonans ini penganalisisan data berbantuan Teori Relevans, murid terlebih dahulu dibekalkan dengan konteks permulaan. Dalam Teori Relevans, konteks boleh dikesan melalui pelbagai cara, antaranya melalui kenangan manis, kenangan pahit, kenangan lucu, pengalaman sedia ada, peristiwa sejarah, ujaran yang terdahulu, ujaran selepas, catatan ensiklopedia dan sebagainya. Kewujudan konteks akan memudahkan murid untuk mengesan makna pada tahap semantik resonans.

Maklumat ini telah tersimpan sedia ada dalam memori jangka panjang murid. Mereka telah sedia maklum tentang pengorbanan tiga insan iaitu ibu, guru dan perajurit yang dikemukakan dalam sajak ini. Jadi, sangat mudah untuk mengarah murid ke arah mencipta kesan kognitif yang disyaratkan dalam Teori Relevans apabila pada peringkat analisis pertama pendekatan Semantik Inkuisitif, makna harfiah sajak ini mudah untuk dikenal pasti. Namun dalam pendekatan semantik skrip, makna sebenar yang dihajati bukan setakat bercerita tentang pengorbanan tiga insan yang dikemukakan dalam sajak ini. Ada makna lain yang dihajati oleh penyajak. Di sinilah, kemahiran kognitif murid akan diuji. Dalam pendekatan Semantik Inkuisitif, makna pada peringkat semantik skrip belum lagi memadai. Murid akan diarah seterusnya untuk melakukan analisis tahap kedua iaitu analisis semantik resonans. Analisis tahap inilah yang memerlukan murid berfikir aras tinggi selari dengan unsur KBAT yang diterapkan dalam silibus Bahasa Melayu sekolah rendah.

Teori Relevans membenarkan pengkaji menentukan kod, inferens dan andaian untuk sampai kepada makna sebenar sesuatu ujaran. Sebelum kod, inferens dan andaian dikemukakan, murid terlebih dahulu diberikan maklumat konteks. Dalam Teori Relevans, konteks merupakan seberkas andaian yang terbina daripada situasi mental mahupun yang diperoleh daripada persekitaran yang sebenarnya. Oleh sebab keterlibatan konteks mental dan juga persekitaran penting dalam interpretasi ujaran, maka konteks dibina secara psikologi oleh pendengar. Konteks tidak hanya terhad kepada maklumat tentang persekitaran fizikal yang paling dekat dan ujaran terdahulu yang paling hampir, tetapi turut melibatkan masa depan, hipotesis saintifik atau kepercayaan keagamaan, kenangan lucu, andaian am tentang budaya dan kepercayaan terhadap pemikiran si penutur (Sperber & Wilson, 1995).

Maka, guru menggunakan keseluruhan sajak *"Istimewanya Kita"* untuk memberi maklumat konteks kepada murid. Sinopsis sajak boleh dijadikan sebagai maklumat konteks. Murid diberi edaran berbentuk borang analisis untuk menulis sinopsis, kod, inferens dan andaian (rujuk Lampiran C). Murid telah terlebih dahulu mengetahui makna sajak ini yang menyatakan tentang kelahiran seorang bayi ke dunia. Dari sini, kod, inferens dan andaian di atas ditentukan dengan mengemukakan soalan-soalan yang relevan. Murid diajar menyenaraikan kod, inferens dan andaian. Hasil perbincangan dengan murid ditunjukkan dalam Jadual 2.

JADUAL 2: Penentuan kod, inferens dan andaian

Analisis Teori Relevans		
Data (1) Membuka pintu dunia		
Kod	Inferens	Andaian
pintu dunia	buka	1. Kelahiran melalui pintu rahim perempuan 2. Memberikan nafas

Setelah menentukan kod, membuat inferens dan mengetengahkan set andaian di atas, proses memutuskan untuk memilih andaian yang paling relevan pula dilakukan. Responden diberikan tugas seterusnya untuk memikirkan andaian-andaian yang berkaitan dengan bahan seni bahasa. Beberapa andaian perlu difikirkan kerana seperti yang telah dinyatakan, murid akan membina andaian-andaian berdasarkan perbincangan dalam kumpulan dan kemudiannya memproses beberapa andaian sebagai wacana awalan. Berdasarkan hasil perbincangan dalam Jadual 2, terdapat dua bentuk andaian dikenal pasti, iaitu yang pertama kelahiran melalui pintu rahim seorang perempuan dan yang kedua memberikan nafas. Maklumat ini telah tersimpan sedia ada dalam memori jangka panjang murid. Mereka telah sedia maklum tentang pengorbanan seorang ibu yang dikemukakan dalam sajak ini.

Justeru, sangat mudah untuk mengarah murid ke arah mencipta kesan kognitif yang disyaratkan dalam Teori Relevans, apabila pada peringkat analisis pertama pendekatan Semantik Inkuisitif, makna harfiah sajak ini mudah untuk dikenal pasti. Namun dalam pendekatan semantik skrip, makna sebenar yang dihajati bukan setakat bercerita tentang pengorbanan ibu yang dikemukakan dalam sajak ini. Ada makna lain yang dihajati oleh penyajak. Di sinilah, kemahiran kognitif murid akan diuji. Dalam pendekatan Semantik Inkuisitif, makna pada peringkat semantik skrip belum lagi memadai. Murid diarah seterusnya untuk melakukan analisis tahap kedua, iaitu analisis semantik resonans. Analisis tahap ini memerlukan murid berfikir aras tinggi selaras dengan unsur KBAT yang diterapkan dalam silibus Bahasa Melayu sekolah rendah.

Kajian ini menemukan kesan konteks yang terbina daripada andaian yang tidak memerlukan kos memproses yang tinggi. Responden dapat mengaitkan andaian ini dengan maklumat sedia ada mereka tentang situasi seorang perempuan melahirkan anak. Jelas sekali situasi yang digambarkan oleh pengarang iaitu memberikan kehidupan baharu kepada satu nyawa manusia melalui kelahiran. Mary Fatimah (2012) dalam kajiannya telah menyatakan bahawa Teori Relevans dalam Personifikasi juga turut membuktikan analisis Teori Relevans dapat memberikan makna implisit serta makna yang tersirat dalam baris sajak. Walaupun murid berupaya menunjukkan kemahiran kognitif mereka, namun terdapat analisis tahap ketiga yang perlu dilakukan dalam pendekatan Semantik Inkuisitif ini iaitu analisis semantik inkuisitif untuk mengetahui lebih lanjut makna yang dihajati oleh penyajak. Tahap ini memaparkan falsafah dan akal budi masyarakat. Makna kelahiran daripada rahim ibu akan dianalisis dengan lebih lanjut lagi. Makna tahap semantik skrip dan resonans tidak mencukupi.

Murid didedahkan pula dengan analisis makna peringkat Semantik Inkuisitif. Pada peringkat ini, murid diajar mencari maklumat secara merentas disiplin. Murid dibimbing dengan mencari makna di peringkat multidisiplin pula. Pada peringkat ini, persoalan kenapa dalam pendekatan Semantik Inkuisitif dapat membantu

murid mencari makna yang dihajati seterusnya. Kenapa sajak ini menggunakan baris '*Membuka pintu dunia*' dan apakah pintu yang dimaksudkan itu? Kenapa baris ini dikemukakan? Di sinilah, murid akan dibimbing ke arah memikirkan makna pintu dunia yang dimaksudkan itu, murid akan mengaitkan pintu dunia itu dengan rahim ibu. Murid akan diberi penerangan tentang proses kelahiran seorang bayi melalui rajah kelahiran seperti dalam lampiran.

Baris "*Membuka pintu dunia*" dalam sajak "*Istimewanya Kita*" sangat menarik untuk dikaji dan dianalisis maknanya menggunakan Semantik Inkuisitif. Kajian ini berpendapat bahawa penggunaan pintu dunia mempunyai falsafah dan akal budi di sebalik penciptaan sajak ini. Mengapa *pintu dunia*? Kenapa tidak terus sahaja menggunakan konsep '*rahim*'? Bagi melengkapkan penganalisisan makna menggunakan kaedah Semantik Inkuisitif yang diperkenalkan oleh Nor Hashimah (2014), murid perlu mempersoalkan kenapakah '*pintu dunia*' digunakan dalam baris sajak ini. *Pintu dunia* yang dinyatakan dikaitkan dengan pintu rahim seorang perempuan. Untuk menjelaskan bahawa pintu rahim perempuan sememangnya sesuai dengan peralihan hidup daripada kehidupan di dalam rahim kepada kehidupan di alam fana, persoalan kenapa ia sebegitu memerlukan pergaulan dan penyatuan secara halal mengikut hukum agama dan undang-undang sivil yang ditetapkan melalui perkahwinan yang sah.

Perkahwinan merupakan amalan yang menjadi lumrah dalam kehidupan manusia sejagat. Perkahwinan antara lelaki dengan perempuan adalah untuk memenuhi hukum alam. Murid diajar mengemukakan ilmu merentas disiplin. Murid yang terdiri daripada berbilang agama, misalnya boleh dibekalkan dengan maklumat perihal tentang perkahwinan dalam agama Islam. Menurut istilah syarak dalam agama Islam, iaitu 'Ijab dan Qabul' ('aqad), ia menghalalkan persetubuhan antara lelaki dengan perempuan melalui pengucapan yang menunjukkan nikah, sebagaimana mengikut peraturan yang ditentukan oleh agama Islam. Setelah melalui proses ini, pasangan lelaki dan perempuan dihalalkan untuk bersatu bagi mendapatkan zuriat. Perkara ini sememangnya diinginkan oleh mana-mana pasangan yang berkahwin.

Seterusnya mengapa pula kelahiran bayi dikaitkan dengan '*pintu dunia*'? Peristiwa kelahiran bayi ialah satu proses yang ajaib dan amat istimewa dalam permulaan kehidupan manusia sejagat. Pada tahap ini, murid dididik pula merentas ilmu sains dan biologi. Guru perlu membekalkan maklumat perihal kelahiran seorang bayi ke dunia. Guru boleh mengaitkan seorang bayi dengan murid sendiri. PdP seperti ini akan membuka minda pelajar untuk memikirkan makna tersirat di sebalik '*pintu dunia*'. Menurut *Myhealth*, Kementerian Kesihatan Malaysia (2011), pada masa dan ketika hendak dilahirkan, kepala bayi dalam rahim ibu berada dalam keadaan menjunam ke arah servik atau pintu rahim dan menunggu masa untuk disambut oleh petugas-petugas kesihatan yang bertauliah. Peringkat pertama

proses bersalin bermula dengan peregangannya yang singkat dan kerap.

Peregangannya yang berlaku jarang-jarang ini menghentam pintu rahim sehingga terbuka selebar sepuluh sentimeter. Bayi akan ditolak keluar melalui peregangannya yang berterusan sehingga kepalanya kelihatan. Untuk melepasi rangka tulang pelvis, biasanya bayi akan keluar membelakangi ibu. Kemudian kepala bayi berpaling supaya bahu depan dan bahu bawahnya turut berpaling. Peregangannya yang terakhir membolehkan bayi keluar sepenuhnya dengan tali pusatnya masih tercantum. Guru akan membimbing murid untuk memahami maklumat ini. Frasa *'Membuka pintu dunia'* ini telah menonjolkan kebijaksanaan pencipta sajak dalam melihat proses kelahiran dan sifat pintu rahim yang sinonim dengan istilah *'pintu dunia'*. Melalui perspektif Semantik Inkuisitif ini, murid dapat merungkai budaya, falsafah dan akal budi yang tersirat dalam baris *'Membuka pintu dunia'* dalam sajak *'Istimewanya Kita'*. Secara tidak langsung, murid memahami pengorbanan seorang wanita bergelar *'ibu'*.

### Analisis Data 2: Hingga Membawaku ke Bintang

Dalam data 2, iaitu *'Hingga membawaku ke bintang'* murid diberi penerangan berkaitan dengan makna harfiah iaitu makna yang hanya diteliti di peringkat permukaan sahaja. Pengkaji turut menjelaskan pengesanan makna pada peringkat ini belum cukup untuk menjelaskan makna sebenar yang tersirat dalam baris sajak ini.

JADUAL 3: Makna harfiah *'Hingga membawaku ke bintang'*

Ungkapan	Perkataan	Makna Linguistik
Hingga membawaku ke bintang	<ul style="list-style-type: none"> <li>Membawaku</li> <li>Ke</li> <li>bintang</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>mengangkat/memikul/mendukung sesuatu sambil bergerak ke tempat lain</li> <li>kata sendi yang menunjukkan arah atau tempat</li> <li>salah satu cakerawala (yang beribu-ribu banyaknya) yang mengeluarkan cahaya dan kelihatan berkelip-kelip di langit pada waktu malam</li> </ul>

Hasil maklum balas melalui perbincangan, berbantuan kamus, pelajar dapat memberi penjelasan makna **membawaku** = mengangkat/ memikul/ mendukung sesuatu sambil bergerak ke tempat lain, **ke** = kata sendi yang menunjukkan arah atau tempat dan **bintang** = salah satu cakerawala (yang beribu-ribu banyaknya) yang mengeluarkan cahaya dan kelihatan berkelip-kelip di langit pada waktu malam. Seterusnya, analisis Teori Relevans diaplikasikan untuk melihat kesan kognitif yang diperoleh melalui data.

### JADUAL 4: Penentuan kod, inferens dan andaian

Analisis Teori Relevans		
Data (2) Hingga membawaku ke bintang		
Kod	Inferens	Andaian
bintang	Tahap atau tingkat tertinggi dalam sesuatu bidang	<ol style="list-style-type: none"> <li>ke peringkat universiti</li> <li>masa depan yang cerah</li> <li>kehidupan yang gemilang</li> </ol>

Berdasarkan hasil perbincangan (rujuk Jadual 4), tiga bentuk andaian telah dikesan iaitu, ke peringkat universiti, masa depan yang cerah kehidupan yang gemilang. Maklumat ini telah tersimpan sedia ada dalam memori jangka panjang murid. Murid telah memahami secara asasnya tentang tanggungjawab seorang pendidik yang menyampaikan ilmu dan tunjuk ajar seperti yang dikemukakan dalam sajak ini. Walaupun data yang dianalisis ini telah melepasi dua tahap analisis makna, iaitu tahap semantik skrip dan semantik resonans, masih ada makna tersirat yang memerlukan tafsiran *'mata hati'*. Makna yang tersirat ini akan membawa sekali kefahaman kita terhadap falsafah dan sekali gus membantu kita meneroka akal dan budi penuturnya. Kenapa penyajak memilih baris sajak *'hingga membawaku ke bintang dan kenapa penyajak memilih leksikal 'bintang'?*

Persoalan ini dapat dijawab setelah pengkaji menggunakan kaedah analisis Semantik Inkuisitif untuk menghuraikan makna secara mendalam yang merentas bidang multidisiplin. Menurut glosari Astronomi (1995), bintang merupakan objek cakerawala bergas yang mengeluarkan cahayanya sendiri. Bintang turut dikenali sebagai bebola gas panas yang mengeluarkan cahaya yang terang pada waktu malam. Jika diteliti dengan lebih terperinci, bintang merupakan objek cakerawala tetap yang dapat dilihat pada waktu malam sebagai satu titik cahaya dari bumi. Oleh sebab kedudukan bintang yang amat tinggi di angkasa, penyajak dilihat memilih objek tersebut untuk menggambarkan betapa ungkapan hiperbola *"Hingga membawaku ke bintang"* memberi makna bahawa bimbingan dan didikan insan bergelar guru mampu membawa penyajak menggapai cita-cita dan impian dalam kehidupannya.

Dalam pada itu juga, kebanyakan karya Melayu yang terdiri daripada penulisan ilmiah, buku sastera mahu pun lirik lagu menjadikan bintang sebagai penanda aras dalam kejayaan hidup seseorang. Menurut Syaari (2019) *"Jika kamu melihat bintang, sebenarnya kamu melihat sejarah. Jika kamu melihat bintang, sebenarnya kamu melihat ibrah"*. Ibrah yang bermaksud pengajaran menurut Kamus Dewan (2005) sinonim dengan insan guru yang menyampaikan ilmu dalam pengajarannya. Melalui pengajaran guru dan hasil daripada ilmu pengetahuan yang diperoleh daripada pengajaran sang guru telah mampu membawa penyajak menuju cita-cita dan impian hidup. Melalui analisis Semantik Inkuisitif, dapat difahami falsafah serta akal budi di sebalik penggunaan frasa dalam baris sajak *"Hingga membawaku ke bintang"*.



Analisis makna ini juga dilihat telah merentas bidang bahasa yang turut menonjolkan ilmu sains iaitu kajian astronomi tentang kedudukan dan jarak bintang dari muka bumi, dan juga bidang sastra yang banyak menggunakan perkataan “*bintang*” sebagai kiasan kepada kejayaan dan kecemerlangan seseorang. Oleh itu, dapatan analisis data ini telah membuktikan bahawa kehendak KPM supaya mata pelajaran bahasa Melayu merentas kurikulum dapat direalisasikan. Pendekatan PdP mata pelajaran Bahasa Melayu menggunakan pendekatan Semantik Inkuisitif ternyata mencapai matlamat mata pelajaran Bahasa Melayu merentas kurikulum ini.

### Analisis Data 3: Meniup Semangat Membara

Secara literalnya, setiap perkataan dalam ungkapan “*Meniup semangat membara*” dapat diperoleh dengan merujuk kamus. Analisis peringkat semantik skrip mendapati bahawa murid telah mampu mengemukakan makna harfiah berikut dalam proses PdP yang dilaksanakan. Dalam pendekatan Semantik Inkuisitif, tahap pertama analisis sangat mudah kerana murid mengesan makna hanya secara harfiah sahaja seperti yang ditunjukkan pada Jadual 5.

JADUAL 5: Makna harfiah “*Meniup semangat membara*”

Ungkapan	Makna Linguistik	
Meniup semangat membara	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Meniup</li> <li>• semangat</li> <li>• membara</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• mengeluarkan nafas (udara), menghembus</li> <li>• berjiwa keras, berkemahuan untuk melakukan sesuatu</li> <li>• berapi, bernyala-nyala dan panas</li> </ul>

Makna yang wujud pada peringkat permukaan ataupun peringkat harfiah ini agak mudah difahami secara linguistik tetapi tidak dapat memberikan makna sebenar seperti yang dihayati dan hendak disampaikan kerana bertentangan dengan maklumat konteks. Hal ini selaras dengan pendapat Hasmidar (2006) yang menjelaskan bahawa bentuk logik secara tersurat tidak dapat difahami makna ujarannya kerana makna tersirat di sebalik bentuk yang dikodkan. Murid seterusnya dibimbing untuk mengesan makna tersirat berkenaan. Tahap analisis dalam pendekatan Semantik Inkuisitif seterusnya akan dilakukan, iaitu analisis tahap semantik resonans. Dalam analisis ini, pengkaji mengaplikasikan Teori Relevans. Teori ini menekankan maklumat konteks dan peranan kognitif untuk mencapai kerelevanan sesuatu ujaran. Kerelevanan ujaran dapat dikesan apabila semakin banyak kesan kognitif diperoleh, serta ditambah dengan kekurangan usaha memproses maklumat. Sebaliknya ujaran itu menjadi tidak relevan sekiranya usaha memproses maklumat itu semakin tinggi ditambah pula dengan hanya sedikit sahaja kesan kognitif yang diperoleh.

### JADUAL 6 : Penentuan kod, inferens dan andaian

Analisis Teori Relevans		
Data (2) Meniup semangat membara		
Kod	Inferens	Andaian
membara	Berkobar-kobar untuk mencapai sesuatu	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. melaungkan kata-kata semangat</li> <li>2. terus berjuang</li> <li>3. selagi hidup selagi itu berjuang</li> </ol>

Setelah analisis Teori Relevans dilakukan seperti ditunjukkan dalam Jadual 6, murid telah menyatakan inferens, iaitu ‘*berkobar-kobar untuk mencapai sesuatu*’. Kajian mendapati bahawa andaian-andaian di atas mempunyai konteks yang sama, iaitu situasi yang memberikan semangat kepada para perajurit untuk terus berjuang demi mempertahankan tanahair daripada serangan musuh negara. Dengan ini, andaian di atas telah diperkukuh oleh konteks sehingga mewujudkan kesan kognitif. Apabila adanya kesan konteks, maka maklumat tersebut menjadi relevan kepada pendengar.

Analisis tahap Semantik Inkuisitif akan menimbulkan persoalan mengapa meniup yang sinonim dengan menghembus iaitu sifat dan perlakuan manusia digunakan dalam baris sajak ini? Mengapa ‘*Meniup semangat membara*’ dipilih untuk melengkapkan sajak ini? Dalam situasi ini, murid dibimbing oleh guru melalui persoalan kenapa, kenapa dan kenapa bagi merangsang lagi KBAT murid yang telah terserlah pada analisis tahap resonans bagi menghuraikan makna yang tersirat dalam ungkapan ini dengan mengaitkan pula data ini dengan akal budi dan falsafah bangsa.

‘*Bara*’ berasal daripada arang batu dan kayu yang terbakar oleh api yang marak. Bara merupakan bahan yang tersangat panas yakni sepanas api yang menghasilkan bara tersebut. Ia menghasilkan sejumlah besar haba lama selepas api telah padam. Seandainya bara ini tidak diawasi, api boleh menyala kembali lebih-lebih lagi apabila ditiup angin kencang. Situasi ini boleh menjadi lebih buruk dan boleh mencetuskan bencana seperti kebakaran. Dalam analisis Data (3) ini, murid didedahkan dengan maklumat sains. Maklumat yang diajar kepada murid ini didapati mampu menarik perhatian mereka. Berdasarkan dapatan melalui soal selidik ringkas (rujuk Lampiran D), didapati 70% murid secara keseluruhannya menyatakan seronok dan berminat mempelajari kaedah yang digunakan untuk menganalisis makna sajak. 30% murid pula memberi respons tidak berminat berdasarkan maklum balas yang diberikan.

Mengapa pula bara dikaitkan dengan semangat? Semangat merupakan motivasi diri yang positif untuk melakukan sesuatu demi mencapai objektif yang diinginkan. Menurut Tengku Sarina Aini dan Fadillah (2007), motivasi dalam situasi ini menjurus kepada kepuasan yang individu kecapai semasa melaksanakan sesuatu tugas tidak kira belajar atau bekerja. Bagi individu yang bekerja, motivasi ialah sesuatu yang digunakan untuk mengembangkan suasana pengurusan yang lebih optimum dalam memupuk minat untuk

bekerja. Minat ialah unsur yang dapat memberi kesan kepada motivasi diri seseorang untuk terus melaksanakan tindakan mahupun tugas dan seterusnya merasakan kepuasan diri dalam sesuatu pekerjaan. Perkara yang hendak dibuktikan oleh pengkaji dalam baris sajak ini ialah motivasi diri yang positif dalam diri perajurit semasa mempertahankan tanah air daripada ancaman musuh. Dalam konteks 'Meniup semangat membara' pula, seperti yang dinyatakan tadi, 'bara' yang dibiarkan sentiasa panas dan apabila dihembus atau ditiup, api boleh menyala kembali. Begitu juga halnya dengan perasaan manusia yang sentiasa berkobar-kobar apabila melaksanakan tugas positif yang diinginkan.

Tuntasnya, segala persoalan kenapa, kenapa dan kenapa yang timbul dapat dijawab dengan berkesan melalui pendekatan inkuisitif dalam analisis di atas. Pengaplikasian pendekatan Semantik Inkuisitif ini juga membantu murid menghasilkan inferens tentang Data (3) meniup semangat membara di atas. Umumnya, penyajak memilih kata dan frasa yang paling tepat, indah, dan bersesuaian dengan makna yang hendak disampaikan kepada pendengar. Penganalisisan data yang menggunakan pendekatan Semantik Inkuisitif ini menyerlahkan sifat penyajak yang pandai menentukan pemilihan kata-kata dan frasa seterusnya mengukir persembangan serta merungkai falsafah dan akal budi penuturnya.

### KESIMPULAN

Kesimpulannya, pengaplikasian kaedah analisis Semantik Inkuisitif yang mencungkil makna dari segi falsafah, budaya dan akal budi dapat digunakan untuk membantu perkembangan KBAT murid melalui proses PdP seni bahasa. Proses PdP yang menghuraikan makna implisit yang terkandung dalam sajak ini dapat memberi keyakinan kepada murid untuk menghasilkan jawapan yang kreatif bagi setiap persoalan yang timbul. Tuntasnya, PdP yang menggunakan pendekatan Semantik Inkuisitif dapat menjadikan mata pelajaran Bahasa Melayu lebih menarik melalui pembelajaran berbantuan kamus, merangsang KBAT murid dan merealisasikan Bahasa Melayu merentas kurikulum. Kajian ini akan memberi faedah kepada penggubah puisi sebagai pedoman untuk mencipta sesuatu karya yang lebih mencabar minda dan kecerdasan berfikir. Akhir sekali, penyelidikan ini amat berguna kepada penulis buku supaya bijak dari segi pemilihan bahan pembelajaran seterusnya membantu mendapatkan input berguna daripada bahan yang dipilih.

### RUJUKAN

Aida Qamariah Isyak, Salinah Ja'afar & Ahmad Ramizu Abdullah. (2018). Pantun kanak-kanak dari perspektif semiotik Riffaterre. *Jurnal Antaratarabangsa Dunia Melayu*, 11 (1), 88-109.

Chew Fong Peng & Zul Hazmi Hamad. (2018). Kemahiran berfikir aras tinggi dalam pembelajaran

dan pemudahcaraan bahasa Melayu melalui teknik penyoalan. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 8 (1), 1-12 .

- Glosari Astronomi*. (1995). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Hasmidar Hassan. (2006). Kata hubung “dan” dan “tetapi”: Satu analisis perbandingan nahu dan pragmatik. Tesis Doktor Falsafah. Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Kementerian Kesihatan Malaysia. <http://www.myhealth.gov.my/proses-kelahiran/> Diakses pada 24 September 2021.
- Kamus Dewan Edisi Keempat*. (2005). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2018). *Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran Bahasa Melayu Sekolah Kebangsaan Tahun 4*. Putrajaya: Bahagian Pembangunan Kurikulum.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2018). *Laporan Tahunan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025*. Putrajaya: Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar.
- Mary Fatimah Subet. (2012). Teori relevans dalam personifikasi. Dlm. Fazal Mohamed Mohamed Sultan, Norsimah Mat Awal & Harishon Radzi (Eds.). *Pemantapan dan Pembinaan Ilmu Linguistik Berasaskan Korpus*, hlm. 207-223. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Maulana Al-Fin Che Man & Nor Hashimah Jalaluddin. (2018). Unsur burung dalam pantun: analisis semantik inkuisitif. *Jurnal Wacana Sarjana*, 2 (1), 1-15.
- Mazarul Hassan Mohamad Hanapi & Norazimah Zakaria. (2019). Pemikiran aras tinggi melalui peribahasa dalam bahan multimedia untuk pengajaran Bahasa Melayu sekolah rendah. *International Journal of Modern Education*, 1 (1), 28-38.
- Mohd Ridzuan Md Nasir & Mary Fatimah Subet. (2019). Analisis semantik inkuisitif peribahasa Bahasa Melayu. *Malaysian Journal of Learning and Instruction*, 16 (2), 227-253.
- Noor Aziza Sulaiman (2012). *Novel 'Di Sebalik Dinara'*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn Bhd.
- Nooriza Kassim & Effandi Zakaria. (2015). Integrasi kemahiran berfikir aras tinggi dalam pengajaran dan pembelajaran Matematik: Analisis keperluan guru. Bangi. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Nor Hashimah Jalaluddin. (2014). *Semantik dan Akal Budi Melayu*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Rajendran, N.S. (2001). Pengajaran kemahiran berfikir aras tinggi: Kesediaan guru mengendalikan proses pengajaran dan pembelajaran. Kertas kerja dibentangkan di Seminar Projek KBKK: Poster Warisan Pendidikan. Anjuran Pusat Perkembangan Kurikulum, KPM dari 1 hingga 2 Ogos.

- Rohani Abdullah. (2004). *Panduan Kurikulum Prasekolah*. Kuala Lumpur: PTS Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- Rona Hamzah, Hasdi Daud & Aiman Hamidon. (2019). *Buku Teks BM KSSR Semakan Tahun 4*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Sperber, D. & Wilson, D. (1986). Dlm. Nor Hashimah Jalaluddin. (pnyt.). *Relevans Komunikasi dan Kognisi*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Sperber, D. & Wilson, D. (1995). *Relevance: Communication and Cognition*. 2nd Edition. Oxford: Basil Blackwell.
- Srikandi Saemah Sameon & Mary Fatimah Subet. (2020). Perwatakan Dalam Novel KOMSAS “Di Sebalik Dinara”: Analisis Teori Relevans. *Asian People Journal*, 3 (1), 84-100.
- Sukiman Saad, Noor Shah Saad & Mohd Uzi Dollah. (2012). Pengajaran kemahiran berfikir: Persepsi dan amalan guru matematik semasa pengajaran dan pengajaran di bilik darjah. *Jurnal Pendidikan Sains & Matematik Malaysia*, 2 (1), 18-36.
- Syaari Ab Rahman. (2019). *Menggapai Bintang: Ibrah Kisah-Kisah dalam al-Quran*. Selangor. Iman Publication Sdn Bhd.
- Tengku Sarina Aini Tengku Kasim & Fadillah Mansor. (2007). Keperluan motivasi dalam pengurusan kerja berkualiti dari perspektif pemikiran Islam. *Jurnal Usuluddin*, 25, 03-124.
- Yahya Othman. (2014). Kemahiran berfikir aras tinggi dalam Bahasa Melayu: Peranan guru. Dlm. Zamri Mahamod et al. (pnyt.). *Prosiding Seminar Pascasiswazah Pendidikan Bahasa Melayu dan Kesusasteraan Melayu Kali Ketiga*, hlm. 7-14. Bangi: Penerbit Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia.

## LAMPIRAN A

### Sajak: Istimewanya Kita

Istimewanya kita  
Dilahirkan seorang ibu  
**Membuka pintu dunia**  
Jasanya seluas alam  
Budinya tetap dikenang  
Dengan ucapan keramat  
Selamat Hari Ibu

Istimewanya kita  
Dididik insan yang gigih  
Menerangi alamku yang kelam  
**Hingga membawaku ke bintang**  
Jasamu sepanjang zaman  
Pasti ku kenang dengan ucapan  
Selamat Hari Guru

Istimewanya kita  
Mampu menikmati keamanan  
Berkat gagah berani  
Perwira negara  
**Meniup semangat membara**  
Mengusir petualang  
Akan kukenang jasamu  
Selamat Hari Pahlawan

*Dipetik daripada halaman 11 buku teks  
Bahasa Melayu Tahun Empat*

## LAMPIRAN B

Nama Murid:.....

**Tugasan 1: Latihan Seni Bahasa**Tajuk: Sajak “*Istimewanya Kita*”

Tugasan: Mencari makna perkataan

Arahan: Setelah membaca dan mendeklamasi sajak yang telah diberikan, kamu dikehendaki untuk mencari makna perkataan / ungkapan yang diberikan. Kamu boleh merujuk kamus Bahasa Melayu.

Bil	Perkataan	Makna
1.	Membuka	
	Pintu	
	Dunia	
2.	Hingga	
	Membawaku	
	Ke	
3.	Bintang	
	Meniup	
	Semangat	
	Membara	

## LAMPIRAN C

Nama Murid: .....

**Tugasan 2: Analisis baris sajak “*Istimewanya Kita*”**

<i>Baris sajak: Membuka pintu dunia</i>		
Kod	Inferens	Andaian
<i>Baris sajak: Hingga membawaku ke bintang</i>		
Kod	Inferens	Andaian
<i>Baris sajak: Meniup semangat membara</i>		
Kod	Inferens	Andaian

## LAMPIRAN D

**Borang Soal Selidik****Bahagian A:** Isikan maklumat anda di tempat kosong yang disediakan.

Kelas : \_\_\_\_\_

Umur: \_\_\_\_\_

Jantina: Lelaki/Perempuan

\*Potong yang tidak berkenaan

**Bahagian B:** Tandakan (  ) pada jawapan pilihan anda.

Bil	Pernyataan	Ya (%)	Tidak (%)
1.	Saya lebih faham cara belajar sajak ini melalui cara yang guru ajar pada saya.	70	30
2.	Saya suka cara guru mengajar sajak menggunakan cara ini.	70	30
3.	Saya diberi peluang melibatkan diri dalam aktiviti pengajaran dan pembelajaran.	70	30
4.	Cara ini sangat berkesan membantu saya memahami makna sajak.	70	30
5.	Saya lebih berkeyakinan untuk mempelajari sajak.	70	30
6.	Bimbingan guru sangat berkesan.	60	40
7.	Saya dapat bekerjasama dengan rakan-rakan dengan penuh yakin.	80	20
8.	Cara pembelajaran ini dapat menyelesaikan masalah dalam menghuraikan makna sajak.	60	40
9.	Mempelajari bahan seni bahasa amat menyeronokkan.	70	30
10.	Melalui cara ini, pembelajaran sajak lebih bersistematik.	60	40